



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 6/2014**

**Penetapan Kadar Bayaran Pajak Tanah Rizab Dan Permit Mengutip Hasil
Pertanian di Negeri Sembilan Darul Khusus**

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai panduan kepada semua warga pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai penetapan kadar bayaran pajak tanah rizab dan permit mengutip hasil pertanian di Negeri Sembilan Darul Khusus.

2. Latar Belakang

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 03 September 2014 telah bersetuju dan memutuskan penetapan kadar bayaran pajak tanah rizab dan permit mengutip hasil pertanian di Negeri Sembilan Darul Khusus.
- 2.2 Penetapan kadar bayaran pajak tanah rizab dan permit mengutip hasil pertanian di Negeri Sembilan Darul Khusus ini dibuat berikutan tiada

ketetapan yang seragam di semua pentadbiran tanah daerah di dalam menentukan kadar tersebut.

3. Justifikasi

- 3.1 Seksyen 63(1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri atas permohonan yang dibuat oleh orang atau badan yang telah mendapat kebenaran daripada pegawai pengawal rizab, dari semasa ke semasa memberi pajakan atas keseluruhan atau mana-mana bahagiannya untuk mana-mana tempoh yang tidak melebihi dua puluh satu (21) tahun. Walau bagaimanapun, tiada ketetapan yang jelas berkenaan kadar bayaran yang dikenakan ke atas pajakan tanah rizab tersebut.
- 3.2 Seksyen 65(1) Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk meluluskan lesen pendudukan sementara mengutip hasil di atas tanah kerajaan, tanah lombong yang pada masa itu tidak digunakan untuk tujuan melombong dan tanah rizab yang pada masa itu tidak digunakan untuk tujuan ianya dirizabkan. Kadar lesen pendudukan sementara ada dinyatakan di dalam Jadual Keempat Kaedah-Kaedah Tanah Negeri tetapi tidak ditetapkan kadar untuk lesen pendudukan sementara mengutip hasil.
- 3.1 Berdasarkan semakan, di dapati permohonan yang melibatkan pajakan tanah rizab kerajaan serta permit mengutip hasil pertanian, kenaan kadar bayaran adalah berdasarkan siasatan dan laporan tanah yang disediakan oleh pentadbiran tanah yang berkaitan.
- 3.3 Penetapan kadar bayaran pajakan tanah rizab dan permit mengutip hasil di Negeri Sembilan ini adalah untuk menyelaraskan dan memperkemaskan urusan berkaitan pentadbiran tanah di Negeri

Sembilan di samping memberi kemudahan bukan sahaja kepada warga pentadbiran tanah malahan pelanggan atau orang awam yang berurusan di pejabat-pejabat tanah.

4. Pelaksanaan

- 4.1 Penetapan kadar bayaran pajakan tanah rizab dan permit mengutip hasil pertanian di Negeri Sembilan adalah seperti berikut;

4.1.1 Kadar Bayaran Pajakan Tanah Rizab

- i) Kadar bayaran pajakan tanah rizab adalah berdasarkan 100% daripada nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) iaitu mengikut tempoh pajakan yang diluluskan tidak kurang daripada 3 tahun serta tertakluk kepada maksimum 21 tahun.

4.1.2 Kadar Bayaran Permit Mengutip Hasil Pertanian

- i) Kadar bayaran permit mengutip hasil pertanian adalah berdasarkan jenis hasil yang dikutip seperti jenis sayur – sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Pengeunaan kadar bayaran adalah untuk tempoh masa setahun. Butiran lengkap adalah seperti di **Lampiran A**.


- 4.2 Kadar bayaran pajakan tanah rizab dan permit mengutip hasil pertanian di Negeri Sembilan ini adalah lebih jelas, komprehensif dan kompetitif Memandangkan hasil tanah merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Kerajaan Negeri dan penetapan kadar bayaran yang jelas dan seragam ini merupakan antara usaha untuk memastikan Negeri Sembilan

bergerak menjadi sebuah Negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

- 4.3 Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk menaikkan, mengurangkan atau mengecualikan kadar yang telah ditetapkan tersebut.

Tarikh Kuatkuasa

- 5.1 Pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Bil. 6/2014 ini berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HJ MOHD BAHRUDIN BIN MAHFUZ)
Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 17 September 2014
Rujukan : Bil(70) dlm. PTG.NS 10/14 klt.3

KADAR BAYARAN PERMIT MENGUTIP HASIL PERTANIAN DI NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS

BIL.	JENIS HASIL PERTANIAN	KADAR
1.	Getah	RM5.00 per pokok/tahun
2.	Durian	RM50.00 per pokok/tahun
3.	Koko	RM5.00 per pokok/tahun
4.	Kelapa	RM4.00 per pokok/tahun
5.	Kelapa Sawit	RM12.00 per pokok/tahun
6.	Buah-buahan lain	RM10.00 per pokok/tahun
7.	Kopi	RM2.00 per pokok/tahun
8.	Hasil Pokok Selain Hasil Hutan	RM10.00 per pokok/tahun
9.	Buah Bermusim	RM10.00 per pokok/tahun
10.	Sagu/Nipah	RM20.00 per hektar/tahun
11.	Tanaman Kontan	RM50.00 per hektar/tahun